

FUNGSI SASTERA DALAM PEMBINAAN BUDAYA DAN KARAKTER BANGSA^{1*}

Mohamad Saleeh Rahamad
Universiti Malaya
maisarah43@hotmail.com

PENDAHULUAN

Kesusasteraan menjadi wadah untuk melestarikan budaya atau menggerakkan budaya. Setiap unsur yang direpresentasikan membawa beban makna yang hanya dapat ditafsirkan melalui pemerhatian kontekstual. Hal ini demikian kerana kesusasteraan tidak lahir daripada kekosongan ruang atau ketiadaan konteks; kesusasteraan ialah produk budaya daripada masyarakatnya dan untuk masyarakatnya, biarpun ada pengarang yang mendakwa bahawa dia mengarang tanpa memikirkan khalayak. Berdasarkan andaian tersebut, makalah ini akan membahaskan fungsi kesusasteraan dalam pembinaan budaya yang seterusnya menjurus kepada pembinaan karakter bangsa. Dalam kata lain makalah ini melihat keberdayaan dan fungsi kesusasteraan sebagai penampung budaya dan pemangkin pembudayaan kepada masyarakat. Selanjutnya akan dilihat potensi masa depan sastera dalam hubungan dengan masyarakat setempat (lokal) dan global atau sekurang-kurangnya serantau.

KESUSASTERAAN DAN KEBUDAYAAN: HUBUNGAN YANG SIMBIOTIK

Antara dua istilah ini (kesusasteraan dan kebudayaan) wujud pertindihan zat, iaitu kesusasteraan melahirkan kebudayaan, dan kebudayaan melahirkan kesusasteraan. Manusia yang hidup dalam satu lingkungan kebudayaan akan terdorong untuk menghasilkan cipta seni (karya kesusasteraan) yang meneguhkan kebudayaannya, sama ada untuk tujuan melestarikan kebudayaan dalam ruang naratif (lisan atau tulisan), atau untuk menggerakkan kebudayaan masyarakatnya ke medan yang lebih luas dan dinamik daripada amalan dan kepercayaan yang sedia ada. Sebagai ejen penting dalam penyaluran budaya, kesusasteraan berfungsi dalam dua bentuk, iaitu halangan (*constraint*) dan pergerakan (*mobility*) (Greenblatt, 1990: 227).

Tenaga hegemoni yang dimiliki oleh kesusasteraan sangat ampuh dalam membentuk masyarakatnya, sama ada menjinakkan pemikiran dan perlakuan yang liar ataupun mengabsahkan konsepsi yang wujud dalam minda setiap anggota masyarakat. Keberdayaan kesusasteraan sebagai tenaga hegemoni berkait erat dengan sifatnya yang diskursif. Bahasa sebagai alat penjanaan idea dalam karya sastera tidak bersifat neutral, sebaliknya mempunyai upaya dan ideologi tertentu. Atau dalam kata lain, karya sastera ialah wacana, *discourse*, yang memiliki ideologi tersirat.

Dalam pengertian tradisional, *discourse* yang mula digunakan dalam abad ke-16 membawa makna sebarang bentuk ucapan, percakapan atau perbualan, dan kemudian menanjak kepada makna yang lebih tinggi, sebagai ucapan rasmi, narasi atau sebarang bentuk idea yang berprotokol seperti surat perjanjian, disertasi atau khutbah. Dalam bidang linguistik *discourse* digunakan sebagai istilah teknikal untuk makna setiap unit ucapan yang lebih panjang daripada satu ayat (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin, 2000: 70). Bagaimanapun, daripada nuansa Foucauldian (Michel Foucault), *discourse* mendapat pengertian yang lebih filosofikal kerana terhubung dengan ideologi. Bagi Foucault, sebuah wacana tidak terhasil tanpa ideologi, tidak neutral, biarpun dalam penulisan sejarah yang kononnya berpusat pada fakta yang sahih tentang peristiwa. Menurut Foucault (Ashcroft, Griffiths, dan Tiffin, 2000: 70-71):

1 *Makalah ini dibentangkan dalam Seminar Internasional Konservasi Bahasa dan Sastra Indonesia sebagai Pendukung Pendidikan Budaya dan Karakter Bangsa dalam Konteks Lokal dan Global anjuran Panitia Pertemuan Ilmiah Bahasa dan Sastra Indonesia (PIBSI) XXXIII, Universitas Negeri Semarang, pada 11-12 November 2011.